

**HUBUNGAN DI ANTARA KESEDIAAN, PERSONALITI DAN PENGALAMAN  
GURU DENGAN AMALAN PENILAIAN TUGASAN PROJEK PRINSIP  
PERAKAUNAN**

**AZRI BIN MOHAMED YUSOF**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PERAKAUNAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

## ABSTRAK

Kajian tinjauan kuantitatif ini bertujuan menentukan hubungan di antara kesediaan guru, personaliti guru dan pengalaman mengajar guru dengan amalan penilaian guru terhadap tugas projek Prinsip Perakaunan. Data kajian diperoleh melalui soal selidik dan inventori personaliti Myers-Briggs *Type Indicator* (MBTI). Teknik persampelan rawak berlapis secara kuota telah digunakan dan sebanyak 155 sampel terdiri daripada guru-guru Prinsip Perakaunan tingkatan empat di negeri Selangor telah terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian mendapati guru-guru Prinsip Perakaunan sentiasa menilai tugas projek Prinsip Perakaunan berpandukan kriteria penilaian yang dibekalkan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia (LPKPM) manakala tahap kesediaan guru dalam melaksanakan penilaian adalah tinggi. Kebanyakan guru didapati memiliki kombinasi personaliti Ekstrovert-Peka-Fikiran-Pemutusan. Tahap kesediaan guru, dimensi personaliti guru Pemutusan-Pengamatan dan tempoh pengalaman mengajar guru didapati telah mempengaruhi amalan guru dalam menilai tugas projek Prinsip Perakaunan. Justeru, kajian ini telah memberi implikasi kepada guru-guru di mana mereka harus diberi kursus persediaan dan latihan tentang teknik penskoran berpandukan kriteria penilaian. Pemantauan terhadap penilaian yang diberikan oleh guru terhadap tugas projek pelajar perlu dilaksanakan dengan lebih sistematik dan menyeluruh. Guru-guru perlu sentiasa mengadakan perbincangan sesama mereka tentang penskoran berpandukan kriteria penilaian di samping menjadikannya sebagai aspek utama dalam pengajaran guru di dalam bilik darjah.



**THE RELATIONSHIP BETWEEN TEACHERS' READINESS,  
PERSONALITY AND EXPERIENCE WITH ASSESSMENT PRACTICE  
IN PRINCIPLE OF ACCOUNTING PROJECT ASSIGNMENT**

**ABSTRACT**

This quantitative research is to determine the relationship between teachers' readiness, personality and teaching experiences with assessment practices in Principle of Accounting project assignment. Data has been collected using questionnaires and Myers-Briggs Type Indicator (MBTI) personality inventories. The stratified random sampling procedure with quota technique is used. A total of 155 of form four teachers of the Principle of Accounting in Selangor have been selected as the respondents. The results show that the teachers assess the Principles of Accounting project assignments constantly based on the rubrics scoring supplied by the Ministry of Education Malaysia Examination Syndicate. The level of teachers' readiness to implement the assessments is also high. In addition, most of the teachers have the combination of personalities of the Extrovert-Sensing-Thinking-Judging (ESTJ). The research findings reveal that the level of teachers' readiness, personality dimensions of Judging-Perceiving (J-P) and teaching experiences affect the teachers' assessment practices in the Principles of Accounting project assignments. Consequently, this research confers implications to the teachers in which they should be given preparatory courses and trainings pertaining to the rubrics scoring techniques. The supervision by the teachers towards the assessments of the students' project assignments should be more systematic and comprehensive. Teachers should always have peer discussions sessions on the rubrics scoring techniques and make it as the main aspect of teaching activities in the classroom.

## KANDUNGAN

|                                                           | Muka Surat |
|-----------------------------------------------------------|------------|
| PENGAKUAN                                                 | ii         |
| PENGHARGAAN                                               | iii        |
| ABSTRAK                                                   | iv         |
| ABSTRACT                                                  | v          |
| KANDUNGAN                                                 | vi         |
| SENARAI JADUAL                                            | xii        |
| SENARAI RAJAH                                             | xv         |
| SENARAI SINGKATAN                                         | xvi        |
| SENARAI LAMPIRAN                                          | xix        |
| <b>BAB 1      PENDAHULUAN</b>                             |            |
| 1.1      Pengenalan                                       | 1          |
| 1.2      Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)             | 2          |
| 1.3      Latar Belakang Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan | 6          |
| 1.4      Latar Belakang Kajian                            | 10         |
| 1.5      Pernyataan Masalah                               | 13         |
| 1.6      Objektif Kajian                                  | 18         |
| 1.7      Persoalan Kajian                                 | 19         |
| 1.8      Hipotesis Kajian                                 | 20         |
| 1.9      Kerangka Teorikal Kajian                         | 22         |

|        |                                                          |    |
|--------|----------------------------------------------------------|----|
| 1.10   | Kerangka Konseptual Kajian                               | 27 |
| 1.11   | Kepentingan Kajian                                       | 30 |
| 1.12   | Batasan Kajian                                           | 31 |
| 1.13   | Definisi Operasional                                     | 33 |
| 1.13.1 | Kesediaan Guru Melaksanakan Penilaian                    | 33 |
| 1.13.2 | Kesediaan Guru Tentang Pengetahuan Prosedur<br>Penilaian | 32 |
| 1.13.3 | Personaliti                                              | 34 |
| 1.13.4 | Jenis Personaliti                                        | 36 |
| 1.13.5 | Dimensi Personaliti                                      | 37 |
| 1.13.6 | Amalan Penilaian Tugas Projek Prinsip<br>Perakaunan      | 38 |
| 1.13.7 | Pengalaman                                               | 40 |
| 1.14   | Rumusan                                                  | 41 |

## **BAB 2      TINJAUAN LITERATUR**

|       |                                               |    |
|-------|-----------------------------------------------|----|
| 2.1   | Pengenalan                                    | 42 |
| 2.2   | Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)          | 43 |
| 2.3   | Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan             | 46 |
| 2.4   | Proses Penilaian                              | 49 |
| 2.4.1 | Konsep dan Andaian Dalam Penilaian            | 51 |
| 2.5   | Pentaksiran Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan | 54 |
| 2.5.1 | Penilaian Tugas Projek Prinsip Perakaunan     | 55 |

|       |                                                       |    |
|-------|-------------------------------------------------------|----|
| 2.5.2 | Asas-Asas Pertimbangan                                | 57 |
| 2.5.3 | Objektif Pentaksiran                                  | 59 |
| 2.5.4 | Kaedah Kajian Kes dan Pembelajaran Berasaskan Masalah | 60 |
| 2.6   | Teori-Teori Personaliti                               | 62 |
| 2.6.1 | Teori Personaliti Myers-Briggs <i>Type Indicator</i>  | 62 |
| 2.6.2 | Teori Tret Personaliti Lima Faktor                    | 63 |
| 2.6.3 | Teori Personaliti 16 Faktor (16PF)                    | 64 |
| 2.7   | Model-Model Pengalaman                                | 65 |
| 2.7.1 | Model Peringkat Perkembangan Kerjaya Guru Huberman    | 65 |
| 2.7.2 | Model Pengalaman Berliner                             | 67 |
| 2.8   | Kajian dan Dapatan Lalu Dalam Bidang Berkaitan        | 68 |
| 2.8.1 | Kesediaan Guru Melaksanakan Penilaian                 | 68 |
| 2.8.2 | Kesediaan Guru Tentang Pengetahuan Prosedur Penilaian | 70 |
| 2.8.3 | Hubungan Personaliti Dengan Penilaian                 | 73 |
| 2.8.4 | Penggunaan Inventori Personaliti MBTI                 | 74 |
| 2.8.5 | Pengalaman Mengajar Guru                              | 79 |
| 2.8.6 | Amalan Penilaian                                      | 81 |
| 2.9   | Rumusan                                               | 84 |

## **BAB 3           METODOLOGI**

|        |                                                          |     |
|--------|----------------------------------------------------------|-----|
| 3.1    | Pengenalan                                               | 86  |
| 3.2    | Reka Bentuk Kajian                                       | 87  |
| 3.3    | Pemboleh Ubah Kajian                                     | 89  |
| 3.4    | Populasi dan Sampel Kajian                               | 89  |
| 3.5    | Instrumen Kajian                                         | 93  |
| 3.5.1  | Soal Selidik Pelaksanaan Penilaian Tugas Projek          |     |
|        | Prinsip Perakaunan Tingkatan Empat                       | 93  |
| 3.5.2  | Inventori Personaliti Myers-Briggs <i>Type Indicator</i> | 98  |
| 3.6    | Kajian Rintis                                            | 101 |
| 3.7    | Kesahan                                                  | 101 |
| 3.8    | Kebolehpercayaan                                         | 105 |
| 3.9    | Prosedur Pengumpulan Data                                | 107 |
| 3.10   | Prosedur Penganalisisan Data                             | 109 |
| 3.10.1 | Statistik Deskriptif                                     | 109 |
| 3.10.2 | Statistik Inferensi                                      | 109 |
| 3.10.3 | Penentuan Kekuatan Korelasi                              | 113 |
| 3.11   | Rumusan                                                  | 114 |

## **BAB 4           DAPATAN KAJIAN**

|     |                          |     |
|-----|--------------------------|-----|
| 4.1 | Pengenalan               | 115 |
| 4.2 | Profil Responden Kajian  | 116 |
| 4.3 | Persoalan Kajian Pertama | 118 |

|        |                                    |     |
|--------|------------------------------------|-----|
| 4.4    | Persoalan Kajian Kedua             | 122 |
| 4.5    | Persoalan Kajian Ketiga            | 124 |
| 4.6    | Persoalan Kajian Keempat           | 125 |
| 4.7    | Persoalan Kajian Kelima            | 130 |
| 4.8    | Persoalan Kajian Keenam            | 133 |
| 4.9    | Persoalan Kajian Ketujuh           | 135 |
| 4.9.1  | Dimensi Ekstrovert-Introvert (E-I) | 135 |
| 4.9.2  | Dimensi Peka-Intuisi (S-N)         | 136 |
| 4.9.3  | Dimensi Fikiran-Perasaan (T-F)     | 137 |
| 4.9.4  | Dimensi Pemutusan-Pengamatan (J-P) | 138 |
| 4.10   | Persoalan Kajian Kelapan           | 139 |
| 4.11   | Persoalan Kajian Kesembilan        | 142 |
| 4.12   | Persoalan Kajian Kesepuluh         | 143 |
| 4.12.1 | Dimensi Ekstrovert-Introvert (E-I) | 143 |
| 4.12.2 | Dimensi Peka-Intuisi (S-N)         | 144 |
| 4.12.3 | Dimensi Fikiran-Perasaan (T-F)     | 145 |
| 4.12.4 | Dimensi Pemutusan-Pengamatan (J-P) | 146 |
| 4.13   | Persoalan Kajian Kesebelas         | 147 |
| 4.14   | Rumusan                            | 150 |

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

|     |            |     |
|-----|------------|-----|
| 5.1 | Pengenalan | 151 |
|-----|------------|-----|

|     |                         |     |
|-----|-------------------------|-----|
| 5.2 | Rumusan Objektif Kajian | 152 |
|-----|-------------------------|-----|



|        |                             |     |
|--------|-----------------------------|-----|
| 5.3    | Perbincangan Dapatan Kajian | 153 |
| 5.3.1  | Persoalan Kajian Pertama    | 153 |
| 5.3.2  | Persoalan Kajian Kedua      | 155 |
| 5.3.3  | Persoalan Kajian Ketiga     | 158 |
| 5.3.4  | Persoalan Kajian Keempat    | 162 |
| 5.3.5  | Persoalan Kajian Kelima     | 164 |
| 5.3.6  | Persoalan Kajian Keenam     | 166 |
| 5.3.7  | Persoalan Kajian Ketujuh    | 167 |
| 5.3.8  | Persoalan Kajian Kelapan    | 171 |
| 5.3.9  | Persoalan Kajian Kesembilan | 172 |
| 5.3.10 | Persoalan Kajian Kesepuluh  | 173 |
| 5.3.11 | Persoalan Kajian Kesebelas  | 175 |
| 5.4    | Implikasi Dapatan Kajian    | 177 |
| 5.5    | Cadangan Kajian Lanjutan    | 181 |
| 5.6    | Rumusan                     | 184 |

|         |     |
|---------|-----|
| RUJUKAN | 186 |
|---------|-----|

|          |  |
|----------|--|
| LAMPIRAN |  |
|----------|--|

## SENARAI JADUAL

| Jadual     | muka surat                                                                                                             |
|------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Jadual 1.1 | Gred Elemen Penilaian Tugas Projek Prinsip Perakaunan 39                                                               |
| Jadual 2.1 | Objektif Pentaksiran Tugas Projek Prinsip Perakaunan<br>Tingkatan Empat 59                                             |
| Jadual 3.1 | Populasi dan Sampel Kajian Mengikut Pejabat Pendidikan<br>Daerah (PPD) di negeri Selangor 91                           |
| Jadual 3.2 | Pembahagian Item Instrumen Soal Selidik Pelaksanaan<br>Penilaian Tugas Projek Prinsip Perakaunan Tingkatan<br>Empat 96 |
| Jadual 3.3 | Interpretasi Skor Min Tahap Kesiediaan Guru 97                                                                         |
| Jadual 3.4 | Interpretasi Amalan Guru Dalam Menilai Tugas Projek Prinsip<br>Perakaunan 98                                           |
| Jadual 3.5 | Pembahagian Item Inventori Personaliti Myers-Briggs <i>Type</i><br><i>Indicator</i> (MBTI) 99                          |
| Jadual 3.6 | Kebolehpercayaan Item Instrumen Kajian Pertama dan<br>Instrumen Kajian Kedua 106                                       |
| Jadual 3.7 | Kaedah Analisis Statistik Persoalan Kajian 112                                                                         |
| Jadual 3.8 | Tafsiran Nilai Pekali Korelasi 114                                                                                     |
| Jadual 4.1 | Profil Responden Kajian 117                                                                                            |

|             |                                                                                                                                 |     |
|-------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Jadual 4.2  | Skor Min Kesianaan Guru Dalam Melaksanakan Penilaian<br>Tugasan Projek Prinsip Perakaunan                                       | 120 |
| Jadual 4.3  | Taburan Responden Kajian Berdasarkan Jenis Personaliti                                                                          | 123 |
| Jadual 4.4  | Taburan Responden Kajian Berdasarkan Model Peringkat<br>Perkembangan Kerjaya Guru Huberman                                      | 124 |
| Jadual 4.5  | Amalan Guru Dalam Menilai Tugasan Projek Prinsip<br>Perakaunan Mengikut Kriteria Penilaian                                      | 128 |
| Jadual 4.6  | Tahap Amalan Guru Menilai Tugasan Projek Prinsip Perakaunan<br>Berdasarkan Jenis Personaliti                                    | 132 |
| Jadual 4.7  | Ujian Perbezaan <i>Post Hoc</i> Tukey <i>Honestly Significant<br/>Difference</i> (HSD) Antara Kumpulan Kesianaan Guru           | 134 |
| Jadual 4.8  | Analisis Ujian <i>ANOVA</i> Amalan Guru Menilai Tugasan Projek<br>Prinsip Perakaunan Berdasarkan Tahap Kesianaan Guru           | 135 |
| Jadual 4.9  | Analisis Ujian- <i>t</i> Amalan Menilai Tugasan Projek Prinsip<br>Perakaunan bagi Guru Berpersonaliti Ekstrovert dan Introvert  | 136 |
| Jadual 4.10 | Analisis Ujian- <i>t</i> Amalan Menilai Tugasan Projek Prinsip<br>Perakaunan bagi Guru Berpersonaliti Peka dan Intuisi          | 137 |
| Jadual 4.11 | Analisis Ujian- <i>t</i> Amalan Menilai Tugasan Projek Prinsip<br>Perakaunan bagi Guru Berpersonaliti Fikiran dan Perasaan      | 138 |
| Jadual 4.12 | Analisis Ujian- <i>t</i> Amalan Menilai Tugasan Projek Prinsip<br>Perakaunan bagi Guru Berpersonaliti Pemutusan dan Pengamatan  | 139 |
| Jadual 4.13 | Ujian Perbezaan <i>Post Hoc</i> Tukey <i>Honestly Significant<br/>Difference</i> (HSD) Antara Kumpulan Pengalaman Mengajar Guru | 141 |

|             |                                                                                                                                          |     |
|-------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| Jadual 4.14 | Analisis Ujian <i>ANOVA</i> Amalan Guru Menilai Tugas Projek<br>Prinsip Perakaunan Berdasarkan Pengalaman Mengajar Guru                  | 142 |
| Jadual 4.15 | Analisis Korelasi Antara Kesianaan Guru dengan Amalan Guru<br>Menilai Tugas Projek Prinsip Perakaunan                                    | 143 |
| Jadual 4.16 | Analisis Korelasi Antara Dimensi Personaliti Guru Ekstrovert-<br>Introvert dengan Amalan Guru Menilai Tugas Projek<br>Prinsip Perakaunan | 144 |
| Jadual 4.17 | Analisis Korelasi Antara Dimensi Personaliti Guru<br>Peka-Intuisi dengan Amalan Guru Menilai Tugas<br>Projek Prinsip Perakaunan          | 145 |
| Jadual 4.18 | Analisis Korelasi Antara Dimensi Personaliti Guru<br>Fikiran-Perasaan dengan Amalan Guru Menilai Tugas<br>Projek Prinsip Perakaunan      | 146 |
| Jadual 4.19 | Analisis Korelasi Antara Dimensi Personaliti Guru<br>Pemutusan-Pengamatan dengan Amalan Guru Menilai<br>Tugas Projek Prinsip Perakaunan  | 147 |
| Jadual 4.20 | Analisis Korelasi Antara Pengalaman Mengajar Guru dengan<br>Amalan Guru Menilai Tugas Projek Prinsip Perakaunan                          | 148 |
| Jadual 4.21 | Rumusan Hipotesis dan Keputusan Kajian                                                                                                   | 149 |

|           |                                                                 |            |
|-----------|-----------------------------------------------------------------|------------|
| Rajah     |                                                                 | muka surat |
| Rajah 1.1 | Laluan Gabungan Dua Pensijilan Kolaborasi KPM,<br>ACCA dan LCCI | 8          |
| Rajah 1.2 | Diagram Teori Personaliti Myers-Briggs                          | 24         |
| Rajah 1.3 | Model Peringkat Perkembangan Kerjaya Guru Huberman              | 25         |
| Rajah 1.4 | Kerangka Konseptual Kajian                                      | 28         |
| Rajah 3.1 | Prosedur Pengumpulan Data Kajian                                | 108        |

## SENARAI SINGKATAN

|       |                                                            |
|-------|------------------------------------------------------------|
| LPKPM | Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia        |
| PBS   | Pentaksiran Berasaskan Sekolah                             |
| KPM   | Kementerian Pendidikan Malaysia                            |
| PEKA  | Penilaian Kerja Amali                                      |
| KHB   | Kemahiran Hidup Bersepadu                                  |
| PPPM  | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia                      |
| PdP   | pembelajaran dan pengajaran                                |
| SPM   | Sijil Pelajaran Malaysia                                   |
| TMK   | teknologi maklumat dan komunikasi                          |
| ACCA  | <i>The Association of Chartered Certified Accountants</i>  |
| CIMA  | <i>Chartered Institute of Management Accountants</i>       |
| LCCI  | <i>London Chamber of Commerce and Industry</i>             |
| MIA   | <i>Malaysian Institute of Accountants</i>                  |
| MICPA | <i>Malaysian Institute of Certified Public Accountants</i> |
| MASB  | <i>Malaysian Accounting Standard Board</i>                 |
| CAT   | <i>Certified Accounting Technician</i>                     |
| BPTV  | Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional                  |
| MBTI  | <i>Myers-Briggs Type Indicator</i>                         |
| ENTJ  | <i>Extrovert-Intuition-Thinking-Judging</i>                |
| ESTJ  | <i>Extrovert-Sensing-Thinking-Judging</i>                  |
| ISTJ  | <i>Introvert-Sensing-Thinking-Judging</i>                  |

|       |                                                        |
|-------|--------------------------------------------------------|
| ISFJ  | <i>Introvert-Sensing-Feeling-Judging</i>               |
| ESFJ  | <i>Extrovert-Sensing-Feeling-Judging</i>               |
| ENFJ  | <i>Extrovert-Intuition-Feeling-Judging</i>             |
| INFJ  | <i>Introvert-Intuition-Feeling-Judging</i>             |
| INTJ  | <i>Introvert-Intuition-Thinking-Judging</i>            |
| INTP  | <i>Introvert-Intuition-Thinking-Perception</i>         |
| ISTP  | <i>Introvert-Sensing-Thinking-Perception</i>           |
| ESTP  | <i>Extrovert-Sensing-Thinking-Perception</i>           |
| ESFP  | <i>Extrovert-Sensing-Feeling-Perception</i>            |
| ISFP  | <i>Introvert-Sensing-Feeling-Perception</i>            |
| INFP  | <i>Introvert-Intuition-Feeling-Perception</i>          |
| ENFP  | <i>Extrovert-Intuition-Feeling-Perception</i>          |
| ENTP  | <i>Extrovert-Intuition-Thinking-Perception</i>         |
| PCG   | <i>per-capita grant</i>                                |
| PBM   | Pembelajaran Berasaskan Masalah                        |
| JPN   | Jabatan Pendidikan Negeri                              |
| SFJ   | <i>Sensing-Feeling-Judging</i>                         |
| PCA   | Pintar Cerdas Akademik                                 |
| SA    | Sederhana Akademik                                     |
| PMR   | Penilaian Menengah Rendah                              |
| BPPDP | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan |

|       |                                                      |
|-------|------------------------------------------------------|
| JPS   | Jabatan Pendidikan Selangor                          |
| PPD   | Pejabat Pendidikan Daerah                            |
| UUM   | Universiti Utara Malaysia                            |
| UPSI  | Universiti Pendidikan Sultan Idris                   |
| ETS   | <i>Educational Testing Service</i>                   |
| CAPT  | <i>Center for Applications of Psychological Type</i> |
| JKA   | Jawatankuasa Akademik                                |
| ANOVA | <i>Analysis of Variance</i>                          |
| HSD   | <i>Honestly Significant Difference</i>               |



## SENARAI LAMPIRAN

|             |                                                                                                    |
|-------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Lampiran A  | Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Tugas Projek Prinsip<br>Perakaunan Kertas 3 (Kriteria Penilaian) |
| Lampiran B1 | Soal Selidik Pelaksanaan Penilaian Tugas Projek Prinsip<br>Perakaunan Tingkatan Empat              |
| Lampiran B2 | Inventori Personaliti Myers-Briggs <i>Type Indicator</i>                                           |
| Lampiran C  | Analisis Kebolehpercayaan Item Instrumen Kajian                                                    |
| Lampiran D1 | Senarai Pakar Kesahan Kandungan Item Instrumen Kajian<br>Pertama                                   |
| Lampiran D2 | Analisis Penilaian Pakar Kewajaran Item Instrumen Kajian<br>Pertama                                |
| Lampiran D3 | Pengesahan Instrumen Kajian Pertama oleh Panel Pakar                                               |
| Lampiran E  | Surat-surat Kebenaran Menjalankan Kajian                                                           |

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Penilaian guru terhadap hasil tugas pelajar merupakan aspek yang sangat penting dalam kalangan guru kerana ia akan menentukan gred yang diperoleh pelajar. Bermula tahun 2010, Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia (LPKPM) telah memperkenalkan kaedah pentaksiran baharu bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk pelajar tingkatan empat iaitu Pentaksiran Kertas 3 atau lebih dikenali sebagai Penilaian Tugas Projek Prinsip Perakaunan bagi menggantikan kaedah pentaksiran lama yang lebih berorientasikan peperiksaan semata-mata. Pentaksiran ini merupakan salah satu komponen dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) iaitu Pentaksiran Pusat yang menilai pengetahuan dan kemahiran pelajar secara menyeluruh dalam satu-satu peringkat pembelajaran

(LPKPM, 2012). Sejak diperkenalkan, kajian terhadap kaedah pentaksiran baharu ini masih terhad (Rathimalar, 2013; Wan Mohd Helmi, 2012). Kajian berkaitan cara atau amalan guru dalam menilai hasil tugas pelajar berpandukan kriteria penilaian atau rubrik penskoran juga sangat kurang (Norulazilah, 2005). Justeru, kajian ini diharap dapat menambahbaik tahap integriti guru sekaligus meningkatkan keobjektifan dan kebolehpercayaan penilaian guru terhadap hasil tugas pelajar.

## **1.2 Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)**

PBS bukanlah sesuatu perkara yang janggal dalam kalangan warga pendidik. Kaedah pentaksiran ini telah lebih awal dilaksanakan di kebanyakan negara seperti di Finland, New Zealand, Britain, Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun (Marlin, 2002; Musa, 2003). Finland telah melaksanakan sepenuhnya pentaksiran sekolah di bawah seliaan daerah manakala New Zealand dan Britain pula tidak melaksanakan peperiksaan berpusat sebelum pelajar menjangkau usia 15 tahun (Mohd Isha, 2011). Guru-guru Sains di Amerika Syarikat telah menggunakan pentaksiran prestasi untuk menilai kemahiran sebenar pelajar semasa melaksanakan eksperimen sains dan bagaimana pelajar mengaplikasi pengetahuan untuk menyelesaikan sesuatu masalah (Saliza, 2008).

PBS merupakan satu pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif, dan psikomotor selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Kurikulum Kebangsaan. PBS dikategorikan kepada empat komponen iaitu Pentaksiran Sekolah, Pentaksiran Pusat, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan

Kokurikulum dan Pentaksiran Psikometrik (LPKPM, 2012). Dalam konteks pelaksanaannya di Malaysia, PBS telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara berperingkat di sekolah menengah melalui peperiksaan amali mata pelajaran Sains bermula pada tahun 1999 yang kini dikenali sebagai Penilaian Kerja Amali (PEKA). Pelaksanaan PBS semakin berkembang dan dijadikan sebagai sebahagian kaedah pentaksiran terutamanya bagi mata pelajaran yang memerlukan kemahiran amali dan praktikal di peringkat menengah rendah seperti mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB), Sejarah dan Geografi manakala di peringkat menengah atas pula seperti mata pelajaran Fizik, Kimia, Biologi, Pendidikan Seni Visual dan Prinsip Perakaunan.

KPM telah menjadikan PBS sebagai sebahagian daripada intipati dalam Program Transformasi Pendidikan dan ia mula dilaksanakan sepenuhnya di peringkat sekolah rendah pada tahun 2011 dan di peringkat sekolah menengah pada tahun 2012. PBS memainkan peranan yang penting dalam melahirkan pelajar yang seimbang dalam pelbagai aspek selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Pelan ini menterjemahkan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang merencanakan pendidikan seimbang sebagai asas untuk mencapai enam aspirasi untuk setiap pelajar iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional (KPM, 2013).

Kaedah pentaksiran tidak lagi hanya berdasarkan peperiksaan bertulis sahaja tetapi mencakupi hal-hal seperti sahsiah, akhlak, nilai-nilai murni, budi pekerti, penampilan diri, kekuatan jasmani, rohani, emosi, dan sosial. Menurut Jamil Adimin

(2006), peperiksaan dikatakan menyebabkan pelajar-pelajar dan guru-guru melalui proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara tidak sepatutnya iaitu berdasarkan kurikulum dan sukatan pelajaran yang dibekalkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum tetapi sebaliknya lebih berorientasikan peperiksaan. Mohd Isha (2011) pula berpendapat PBS wajar dilaksanakan supaya pencapaian pelajar tidak hanya dinilai atau ditaksir hanya menggunakan ujian pensil dan kertas semata-mata tetapi perlu beralih arah kepada pentaksiran yang lebih menyeluruh seperti penyediaan kerja kursus atau tugas projek yang lebih bersifat autentik iaitu mempunyai bukti atau *evidens* yang tulen yang dihasilkan dalam situasi sebenar.

Nevo (1994) pula merumuskan bahawa dalam pelaksanaan PBS, pelajar dinilai berdasarkan penglibatan yang aktif dalam menggunakan pengetahuan secara kreatif untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Masalah pula seharusnya masalah yang autentik atau mempunyai realiti dalam kehidupan sebenar. Menurut Wiggins (1990), penilaian autentik memerlukan pelajar menggunakan pengetahuan untuk melaksanakan tugas yang bermakna, kompleks dan memerlukan pelajar menggabungkan kepelbagaian pengetahuan, kemahiran dan kebolehan, keupayaan mengemas kini, melengkap, dan membuat persembahan atau menunjukkan produk.

Bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan, Pentaksiran Pusat telah diperkenalkan dalam Kertas 3. Kaedah pentaksiran untuk pensijilan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidak lagi hanya berdasarkan penilaian peperiksaan bertulis dalam Kertas 1 dan Kertas 2 sahaja tetapi turut dinilai berdasarkan Pentaksiran Pusat dalam Kertas 3 iaitu Penilaian Tugas Projek Prinsip Perakaunan di tingkatan empat dan di tingkatan lima (LPKPM, 2009).

LPKPM (2012) mendefinisikan Pentaksiran Pusat sebagai satu daripada komponen yang terdapat dalam PBS di mana ia merupakan pentaksiran yang ditadbir, diperiksa dan direkod di peringkat sekolah oleh guru-guru berdasarkan peraturan pentaksiran, instrumen pentaksiran, tugas, garis panduan, peraturan penskoran, penggredan dan pelaporan yang dikeluarkan oleh LPKPM dalam tempoh yang ditetapkan mengikut mata pelajaran tertentu. Pelaksanaan Pentaksiran Pusat di sekolah bermula selepas guru memuat turun arahan tugas dan pelaksanaan yang dikeluarkan di laman web rasmi LPKPM dan seterusnya pihak sekolah dikehendaki menjalankan aktiviti merancang, melaksana dan menskor mengikut jadual tempoh masa yang ditetapkan.

Objektif Pentaksiran Pusat dijalankan ialah untuk mengukur penguasaan pengetahuan dan kemahiran pelajar secara autentik di samping mengukur kemahiran berfikir aras tinggi dan sahsiah pelajar dengan menggunakan kepelbagaian instrumen mengikut kesesuaian dan kebolehlaksanaan sesuatu mata pelajaran seperti tugas bertulis, kerja amali, projek, pemerhatian, persembahan, demonstrasi, kajian lapangan, ujian bertulis, ujian lisan, dan kuiz (LPKPM, 2012). Instrumen pentaksiran yang digunakan dalam Pentaksiran Pusat bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan ialah tugas projek iaitu tugas yang memerlukan pelajar menghasilkan produk dan membuat pelaporan tentang produk yang dihasilkan.

Azizi dan Mohd Isha (2008) mendakwa, keberkesanan penilaian tugas projek sebagai alat pengukuran bergantung kepada kemampuan guru untuk mentadbir dan memberikan skor secara objektif dan adil. Guru harus menyemak secara teliti dan cermat, menilai dengan hati dan kalbu, membuat pertimbangan yang wajar serta

bersikap lebih kepada membantu bukan tegas. Oleh hal yang demikian, pengetahuan dan kefahaman guru terhadap kriteria penilaian yang digunakan sebagai panduan untuk pemberian skor dalam penilaian tugas projek Prinsip Perakaunan sangat penting. Abu Bakar dan Bhasah (2008) menegaskan bahawa guru perlu memiliki ilmu pengetahuan dan kefahaman yang mendalam dalam aspek yang dinilai supaya penilaian yang dilaksanakan menepati gambaran sebenar tahap seseorang pelajar.

### **1.3 Latar Belakang Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan**

Mata pelajaran Prinsip Perakaunan merupakan salah satu mata pelajaran elektif yang ditawarkan pada peringkat SPM untuk pelajar tingkatan empat dan lima. Sukatan pelajaran Prinsip Perakaunan dibina bagi membolehkan pelajar memperolehi kemahiran merekod, mengklasifikasi, mentafsir, menganalisis dan mengungkap data kewangan berdasarkan urus niaga atau peristiwa perniagaan berdasarkan prosedur debit dan kredit. Mata pelajaran ini merupakan satu pengajian asas yang bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai akauntabiliti, berfikiran kritikal dan reflektif, mengamalkan budaya kerja yang beretika, berkemahiran dalam teknologi maklumat, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik melalui pendekatan pembelajaran bermakna dan kesepaduan teori dan amalan perakaunan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2009).

Menurut Rohaila (2006), bagi pelajar dan guru di sekolah menengah, bidang perakaunan dikenali sebagai suatu bidang pengajian berbentuk teknikal yang mengutamakan format dan prosedur. Bidang ini agak mencabar terutama bagi pelajar

yang baru mengenal perakaunan. Tambah beliau, kepentingan mata pelajaran Prinsip Perakaunan sebagai asas pendidikan lanjutan dapat dilihat melalui klasifikasi yang dibuat oleh KPM tentang nilai pulangan dari segi kemahiran boleh guna (marketable / employable skills) di bidang pekerjaan. Prinsip Perakaunan merupakan salah satu mata pelajaran yang menjadi kayu pengukur bagi menilai kelayakan pelajar melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Pendidikan perakaunan merupakan salah satu komponen di dalam pendidikan perdagangan. Apabila dilihat dalam perspektif yang lebih luas, Pendidikan perdagangan terdiri dari aspek pendidikan vokasional dan aspek pendidikan perdagangan umum (Norlia, 2006; Rohaila, 2006). Pendidikan vokasional lebih menjurus kepada kemahiran-kemahiran yang membantu pelajar menceburi bidang-bidang tertentu dalam pekerjaan seperti bidang simpan kira, akaun, pengurusan kewangan, pengekosan, percukaian, dan pelaburan. Pendidikan perdagangan umum pula membekalkan pelajar dengan pengetahuan dan kemampuan menguruskan kewangan peribadi dan pengurusan dunia perniagaan.

Bidang pendidikan perakaunan kini begitu canggih seiring dengan perkembangan ilmu sains, matematik, komputer serta teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Perkembangan bidang profesion perakaunan yang cukup dinamik turut disumbangkan oleh perkembangan pesat perdagangan antarabangsa dalam era globalisasi (Zan 'Asri, Sharini & Salina, 2010).